

210 pelajar terima Anugerah Dekan FKAL

UB 26.11.16 P4

LABUAN: Seramai 210 pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) UMS Kampus Antarabangsa Labuan menerima Anugerah Dekan pada Majlis Anugerah Dekan Semester 2, Sesi 2015/2016.

Pelajar terbabit menerima anugerah itu daripada Dekan FKAL Dr Hanudin Amin di Dewan Theatrette, di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Dekan, Dr Lee Hock Ann (Akademik), Dr Abdul Rizal Abd Hamid (Penyelidikan dan Inovasi) dan Dr Fahmi Ghazali (Hal Ehwal Pelajar).

Dalam ucapannya, Hanudin mahu pelajar meneruskan kecemerlangan dalam akademik pada semester akan datang.

Katanya mereka juga harus bijak menyusun jadual belajar dan gerak kerja dengan mengikuti program akademik dan kokurikulum.

Beliau juga meminta pelajar supaya sentiasa mengadakan perbincangan dengan pensyarah dan mentor masing-masing bagi memastikan prestasi akademik berada pada tahap yang memuaskan.

"Pelajar perlu mengekalkan kecemerlangan walaupun terpaksa

mengikuti pelbagai program akademik dan kokurikulum. Jika ada sebarang kemasukan, mereka harus berbincang dengan pensyarah dan mentor masing-masing," katanya.

(Gambar kanan) **HANUDIN** (empat kiri) bersama pensyarah FKAL.

(Gambar bawah) **HANUDIN** (tengah) dan pensyarah bersama pelajar yang menerima Anugerah Dekan FKAL 2016.

